

16/03/1998

Musyawarah jamin parti stabil

SLIM RIVER, Ahad - Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan pentingnya semangat bermusyawarah dikekalkan dan dipertingkatkan di kalangan ahli Umno bagi menjamin kestabilan politik dalaman parti serta negara.

Timbalan Presiden Umno berkata, semangat musyawarah dalam Umno bukan bermakna menolak amalan demokrasi, sebaliknya sejajar dengan tuntutan Islam yang menekankan amalan itu kepada umatnya.

Berikutan itu, katanya, saranan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya diadakan perundingan di pelbagai peringkat parti wajar kerana pemimpin yang mampu memberi sumbangan serta khidmat terbaik, tetap diperlukan.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, cara itu juga mampu menghindari unsur tidak sihat seperti caci-mencaci, mengadu domba dan memaki hamun dalam perjuangan parti.

Apa yang penting, katanya, pemimpin yang dipilih tidak saja perlu memberi pandangan, sebaliknya sedia mendengar serta menghormati pandangan ahli bawahan serta boleh menerima teguran.

"Ini tradisi kita. Kita bagi nasihat dan kita dengar pandangan orang lain dan orang ramai rasa lega dan selesa.

"Tanda kasih sesama kita ini ialah kerana kita tahu walaupun pemimpin kita mungkin tidak setuju sedikit, tetapi kita nak dia dengar juga pendapat dan keluhan kita.

"Dengan cara sedemikian, muhibah sebenar terjalin di kalangan kita. Bagi saya ini maksud proses demokrasi dan musyawarah, bukan yang semestinya kita faham daripada Amerika atau England," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Tanjung Malim di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Mohd Ghazali serta Ketua Umno bahagian Tanjung Malim, Datuk Seri Junus Wahid.

Anwar menekankan pentingnya pemimpin yang dipilih mempunyai prinsip akhlak yang baik serta membuat teguran dengan niat baik tanpa menimbulkan sebarang fitnah, maki hamun dan bermuka-muka.

Beliau yang juga Menteri Kewangan juga mengingatkan pemimpin parti mengikis sikap tamak haloba dengan menggunakan kedudukan untuk mencapai cita-cita sendiri.

Ahli Umno, katanya, perlu bekerjasama sebagai satu pasukan dan berdiri teguh di belakang kepemimpinan Dr Mahathir bagi melaksanakan pembangunan termasuk ketika kegawatan ekonomi sekarang.

"Dengan sokongan, memudahkan dia (Dr Mahathir) membuat program pembangunan. Kalau sentiasa diserang, (dia) tidak boleh tumpu untuk membangunkan dan membela nasib rakyat.

"Oleh itu, soal kestabilan politik dan parti terlalu penting untuk kita pertahankan dan Umno berperanan besar untuk menangani masalah ini," katanya.

Menurutnya, kegawatan ekonomi lebih mendesak supaya ahli Umno, Barisan Nasional (BN) serta rakyat memberi sokongan padu bagi menjamin negara tidak terdedah kepada kekangan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) jika terpaksa menerima bantuannya.

(END)